

ZIYAD (tengah belakang) ketika upacara penyampaian hadiah.



Aida Adilah Mat  
aida\_adilah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**A**tlet lontar peluru negara Ziyad Zolkefli (*gambar*) membuktikan berada dalam kelas tersendiri apabila meraih emas Kejohanan Olahraga Terbuka Thailand semalam.

Malah kejayaan itu disifatkan cukup bermakna buat atlet paralimpik (F20 masalah pembelajaran) negara kelahiran Selangor itu menjelang temasya Sukan SEA Kuala Lumpur (KL2017) Ogos ini.

Paling manis Ziyad yang sebelum ini meraih emas di temasya Paralimpik Rio dengan lontaran 16.84 meter, berjaya menewaskan pemenang emas Sukan SEA Singapura dari Thailand Promrob Juntima.

Ziyad melakukan lontaran 17.06m manakala Promrob kedua (16.80m) dan seorang lagi peserta Thailand, Thawat Khachin ketiga (16.53m).

"Alhamdulillah. Saya sangat gembira. Semoga ini permulaan untuk sesuatu yang lebih baik nanti.

# LONTARAN SEMPURNA

**Ziyad catat 17.06m, raih emas Kejohanan Olahraga Terbuka Thailand semalam**

"Kejayaan ini membakar semangat saya untuk terus berjuang. Saya amat berharap dapat melakukan lebih lagi selepas ini dan jika boleh, mahu melakukan 17.50m di Kejohanan Dunia nanti," katanya.

Saingan hari kedua Terbuka Thailand semalam

menyaksikan kontinjen meraih satu emas tiga perak selepas Khairul Hafiz Jantan meraih emas pertama acara 100m kelmarin.

Perak dihadiahkan atlet 400m wanita Nurul Faizah Asma Mazlan, Muhd Khairul Harith Harun (jalan ka-

ki) dan Quek Lee Yonh (400m lari berpagar).

Kontinjen negara dilihat berpeluang cerah menambah pingat hari ini apabila jaguh pecut negara Khairul turun beraksi acara 200m.

Selain Khairul, G Aravinn Thevarr turut melayakkan diri beraksi di pentas akhir 200m bersama-sama Mohd Aqil Yasmin dan Jonathan Nyepa.

**Kejayaan ini membakar semangat saya untuk terus berjuang. Saya amat berharap dapat melakukan yang lebih lagi selepas ini"**

Ziyad Zolkefli



HARIAN METRO